

KONSEP GENDANG NUSANTARA DALAM KONTEK MEDIA WARISAN

Abdul Latiff Abu Bakar

Selaras dan berpandukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan Malaysia yang berteraskan budaya di rantau Alam Melayu (Kepulauan Melayu atau Nusantara) dan Islam menjadi unsur penting, maka Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah telah mengambil daya usaha menjayakan Pesta Gendang Nusantara (PGN) buat pertama kalinya di rantau ini pada 1995. PGN memberi tumpuan kepada persembahan pelbagai jenis gendang yang berada di rantau Alam Melayu dan ia sebagai alat Media Warisan yang mantap dan terkenal sehingga sekarang.

Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia gendang adalah alat bunyi-bunyian daripada kayu bulat berongga yang direntangi kulit pada mulutnya untuk dipukul. Di antara jenis gendang yang digunakan ialah

- (i) gendang berangkat - bunyi gendang yang dipalu ketika raja berangkat.
- (ii) gendang keling - gendang yang disangkut pada leher dan dipukul dengan kayu.
- (iii) gendang melela - gendang yang sebelahnya dipukul dengan kayu dan sebelahnya lagi dipukul dengan tangan.
- (iv) gendang nobat - gendang yang digunakan dalam nabat (majlis pertabalan)
- (v) gendang perang - gendang yang dipalu ketika perang.
- (vi) gendang raya - gendang besar (di surau atau masjid) yang dipalu untuk sesuatu tujuan. Ia juga disebut tabuh atau beduk.

Umumnya, gendang di Alam Melayu telah mengalami proses dalam tiga zaman yang; iaitu

- (i) Zaman Pra-Islam (Sebelum Abad 13)
- (ii) Zaman Kedatangan Islam (Bermula Abad 13)
- (iii) Zaman Kedatangan Barat (Bermula Abad 16)

Pengaruh Islam telah mencerna identiti gendang di Alam Melayu dan dijadikan alat muzik Melayu yang kekal sehingga sekarang. Gendang telah digunakan dalam pelbagai genre. Untuk tujuan upacara agama, gendang seperti beduk atau tabuh digunakan untuk mengingatkan umat Islam bersembahyang atau menyambut hari Raya dan sebagainya.

Gendang juga merupakan sejenis alat Media Warisan yang boleh digunakan untuk menyampaikan mesej kepada orang ramai melalui kaedah komunikasi tanpa lisan. Dengan pukulan gendang ini, penuntun akan dapat memahami maksud sebenarnya pemukul gendang seperti hiburan, menaikkan semangat berperang, memberi maksud atau makna sesuatu sebagai petanda atau isyarat dan sebagainya.

Berdasarkan Klasifikasi Curt Sachs dan Eric M. Von Hornbostel (1914), muzik dalam Kebudayaan Melayu (Drs. Muhammad Takari 1994) dibahagikan kepada:

- (i) **idiofon** (penggetar utama badannya sendiri seperti tetawak, gong, canang, taklempong, ceracap, gambang dan lain-lain).
- (ii) **membranofon** (penggetar utama suatu membran) seperti gendang rongsang, gendang satu muka, gendang rebana (ubi, taar, hadrah), gendang dua muka, gedombak, tabla dan baya.
- (iii) **kordofon** (penggetar utamanya senar) seperti gumbus, ‘ud, biola dan rebab.
- (iv) **gerofon** (penggetar utamanya kolom udara) seperti akordion, bangsi, seruling, nafiri, puput batang padi dan lain-lain.

Berdasarkan pembahagian ini, Pesta Gendang Nusantara (PGN) ini telah memilih sebagai alat muzik yang utama berteraskan permainan gendang. Fungsi gendang adalah menjadi fokus utama dalam PGN. Sebagai alat muzik Melayu gendang penting dalam menentukan rentak dalam irama lagu dan menjadi panduan utama dalam sesuatu tarian. Gandingan ini turut memnatapkan lagi maksud komunikasi tanpa lisan kepada penuntun.

Gendang jenis rebana (hanya sebelah sahaja di pasangi kulit) terdapat di Alam Melayu mempunyai pelbagai genre dan fungsi yang berlainan. Umpamanya, di Aceh rebana besar di panggil Raba’i Geleng, di Medan Rebana Ronggeng, Rebana Keras (Melaka), Rebana Ubi (Kelantan), Rebana Perak (Perak), Rebana Zikir (Pahang), Gendang Melayu Sarawak (Sarawak), Gendang Labit (Brunei), Beduan (Perlis) dan sebagainya.

Saiz rebana yang besar sekali ialah rebana ubi. Ia terpaksa diletakkan di atas tanah/permukaan yang rata (tidak boleh di pegang dan di letakkan di atas riba).

Kompang pula merupakan sejenis gendang dalam genre rebana yang sederhana (dari kayu bulat berongga yang kecil sedikit daripada rebana besar). Di Malaysia dan Singapura, kompong mendapat perhatian dan banyak kumpulan yang wujud dan berfungsi semasa majlis perkahwinan dan keramaian. Di antara genre kompong yang terdapat di Malaysia ialah Hadrah, Izhar dan Kelalang.

Di samping itu, terdapat juga sejenis kompong kecil yang digunakan di majlis perkahwinan dan tarian dan nyanyian zapin.

Umumnya, rebana dan kompong ini digunakan sebagai rentak utama untuk lagu-lagu dan tarian seperti zapin, dabus, naidong, mukum, gendang, ratib, nasyid, kuda kepang, zikir, jidur, gelipang dan sebagainya.

Gendang dua muka pula terdapat pelbagai genre. Umumnya, gendang besar dipalu dalam upacara perayaan (didendangkan tanpa lagu/zikir) seperti keberangkatan raja/pembesar, sambutan, pertabalan, perang dan lain-lain. Biasanya, gendang besar ini dipukul dengan kayu atau pemukul khas (berkain/getah). Disamping itu, terdapat juga gendang raya yang dipanggil tabuh atau beduk (gendang satu muka) yang dipukul sebelum azan, perayaan adat/agama dan lain-lain.

Terdapat juga gendang dua muka yang sederhana/kecil yang digunakan ketika upacara keramaian, silat dan sebagainya. Umumnya ia dikenali sebagai gendang silat dan gendang keling.

KONSEP GENDANG NUSANTARA DALAM KONTEK MEDIA WARISAN

Berdasarkan hakikat bahawa rentak gendang tidak dapat dipisahkan dengan irama, lagu dan tarian, maka PGN ini, cuba menonjolkan persembahan yang menunjukkan fungsi gendang seperti berikut:-

- (i) gendang sebagai alat muzik yang mempunyai fungsi dan nilai yang tersendiri.
- (ii) gendang digandingkan dengan alat-alat muzik yang lain.
- (iii) gendang digandingkan dengan persembahan seperti tarian dan silat.
- (iv) gendang digandingkan dengan suara yang berbentuk nyanyian, pembacaan puisi dan zikir.

Adalah menjadi harapan Sekretariat PGN ini, semoga fungsi gendang dalam seni muzik, suara dan tarian dapat dipersembahkan mengikut kumpulan-kumpulan gendang dari pelbagai pelusuk rantau di Alam Melayu ini. PGN turut berusaha menonjolkan persembahan yang dapat mewakili warisan seni-budaya Rumpun Melayu yang sangat tinggi nilainya.

Di samping mempersebahkan warisan gendang, muzik, tarian dan lagu nyanyian sesuatu kumpulan Rumpun Melayu secara berasingan, PGN pula cuba mengabungkan semua alat-alat gendang dan muzik ini untuk dipersembahkan di Malam Perdana Pesta Gendang Nusantara. Semoga kita dapat mengwujudkan satu slogan Serentak Seirama dalam kontek SERANTAU SEBUDAYA.

Adalah menjadi harapan kita acara PGN 1995 akan diteruskan di masa akan datang oleh Kerajaan Negeri Melaka di bawah pengurusan Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah. Ia dijadikan acara tahunan dan dengan harapan warisan muzik tradisi, khususnya gendang dapat ditonjolkan kepada rakyat Malaysia. Bagi menggalakan generasi muda minat dan melibatkan diri bermain pelbagai jenis gendang Nusantara ini, semua pihak terutama sekolah, kelab belia dan organisasi masyarakat dan kerajaan dan perlu mengambil inisiatif menubuhkan kumpulan gendang Melayu ini yang kian pupus di tanah air kita.

Kerajaan Negeri Melaka boleh bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta yang lain bagi memeriahkan dan memperhebatkan lagi PGN. Bagi mendorongkan penyertaan dan pengwujudan kumpulan pelbagai jenis gendang ini, pihak penganjur boleh mengadakan pertandingan dan seminar serta bengkel berhubung gendang Melayu ini. Sudah sampai masanya, pihak-pihak tertentu mengwujudkan kelas atau kursus kepada pemimpin-pemimpin atau guru yang berminat kepada gendang Melayu. Sehubungan ini, Pusat Kebudayaan Muara Sungai Duyung - Lembaga Bahasa Melayu Melaka mampu memainkan peranan ini dan perlu mendapat sokongan dari semua pihak.

Sebagai persediaan dan mercialisasikan pengembangan pelbagai jenis gendang Melayu ini, adalah di harapkan pihak-pihak tertentu mempunyai kesedaran:

- (i) warisan gendang Melayu yang berada di Rantau alam Melayu perlu diamal dan diperkembangkan.
- (ii) Pihak kerajaan dan pemimpin perlulah memberi sokongan moral dan bantuan kewangan bagi mengwujudkan kumpulan gendang ini.
- (iii) perlu digabungkan beberapa jenis gendang di Rantau Alam Melayu seperti Rebana ubi, Rebana besar, kompong bagi mengwujudkan satu identiti yang berslogarkan serentak seirama dalam kontek Serantau Sebudaya.
- (iv) sebagai alat Media Warisan, gendang bolch digunakan untuk menaikkan semangat dan menyampaikan mesaj melalui kaedah komunikasi tanpa lisan - berdasarkan kaedah paluan dan irama gendang yang tertentu.

Akhir kata sebagai penutup bicara saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Melaka ketika pimpinan Allahyarham Datuk Haji Mohd. Zin Abdul Ghani dan Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah yang telah mengorak langkah menjayakan PGN buat pertama kalinya di rantau ini sempena menyambut Perayaan Melaka Bandaraya Bersejarah. Adalah diharapkan PGN ini akan menjadi satu perhimpunan dan seminar tahunan yang dapat memperkembangkan lagi permainan gendang dan memperkayakan lagi warisan Seni-budaya di Alam Melayu. Kerjasama seperti aur dengan tebing dalam menjayakan PGN adalah punca utama kejayaan pihak penganjur melaksanakannya. Sekiranya ada kesilapan dan kelemahan sepanjang PGN, kami menyusun jari memohon maaf.

Sokongan kuat terhadap PGN ini jelas apabila program PGN diteruskan pada 1997 dan melibatkan lebih ramai lagi peserta. Kumpulan gendang Lembaga Bahasa Melayu Melaka yang mula wujud pada 1995 telah bertambah mantap persembahannya dan mempunyai bilangan dan pelapis kumpulan gendang yang berterusan. Pengalaman mereka dalam PGN ini turut mendorongkan beberapa orang ahli gendang LBM berusaha melanjutkan pelajaran di peringkat Universiti dan berazam melibatkan dalam dunia gendang ini dengan lebih serius dan terancang. Peserta-peserta yang hadir dari Riau, Aceh, Medan, Sumatera Barat, Sarawak, Singapura, Sabah, Malaysia Barat telah dapat mempersembahkan pukulan gendang mereka dengan penuh semangat dan berjaya menghibur dan menyampaikan mesej kegembiraan kepada orang ramai.

*Kertas ini berdasarkan kertas kerja Konsep Seminar Pesta Gendang Nusantara 1995, anjuran Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah dan Lembaga Bahasa Melayu Melaka.